

Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Norlela Ahmad* & Shamsudin Othman

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kemahiran membaca merupakan asas untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan memahami proses pembelajaran. Kaedah didik hibur pula menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang dan kaedah didik hibur ini dipecahkan kepada enam sub tema.. Dalam mengajar kemahiran membaca menggunakan kaedah didik hibur, terdapat lima elemen SKPMg2 tersebut adalah guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda dan emosi murid, serta penilai. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan kaedah didik hibur dalam kalangan guru bahasa Melayu bagi kemahiran membaca sekolah rendah. Kajian ini dijalankan terhadap 70 orang guru bahasa Melayu dan dilaksanakan secara deskriptif menggunakan soal selidik. Dapatkan kajian membuktikan guru-guru bersetuju kaedah didik hibur dalam kemahiran membaca adalah pembelajaran yang menyeronokkan. Guru-guru mengakui memahami dan mengaplikasi peranan mereka sebagai perancang (98.9%), pelaksana (93.2%), pembimbing (92.15%) dan pendorong emosi murid (97.7%). Cabaran utama guru adalah untuk mendorong minda murid (89.7%) dan melaksanakan penilaian (87.46%) dalam kemahiran membaca menggunakan didik hibur. Mereka masih cenderung menggunakan pendekatan konvensional serta kurang memahami teknik mengaplikasikan dorongan minda mengikut pelbagai aras keupayaan murid. Guru-guru juga memerlukan bimbingan berkaitan elemen penilaian menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran secara menyeluruh dari segi kecukupan dan kecukupan secara konsisten. Membina guru-guru yang mampu memberi impak tinggi secara kritis dan kreatif perlu diperluas agar dapat meningkatkan keberkesanannya guru dan kemenjadian murid secara menyeluruh dan berkesan.

Kata Kunci: Didik Hibur, Kemahiran Membaca, Kemenjadian Murid, Guru Sekolah Rendah, SKPMg2

ABSTRACT

Reading skills are the basis to gain knowledge and understand the learning process. Meanwhile, fun learning emphasizes a delightful environment in an organized manner and the application of fun learning is broken down into six sub-themes. In teaching reading skills using the fun learning method there are five elements of SKPMg2 are teachers as planners, executors, guides, students' emotional motivators, as well as evaluators. This study aimed to identify the use of edutainment among Malay language teachers for primary school reading skills. The study was conducted on 70 teachers of the Malay language and was carried out using questionnaires. The findings of the study prove that teachers acknowledge the fun learning method in entertaining learners while teaching reading skills. Teachers showed understanding and applied their roles as planners (98.9%), executors (93.2%), guides (92.15%) and as motivators of students (97.7%). The main challenges for teachers are to encourage the minds of students (89.7%) and implement assessment (87.46%) in reading skills using the fun learning method. They still tend to use conventional approaches and do not fully comprehend the techniques of applying mind enforcement based on various levels of students' abilities. Teachers also need consistent guidance related to the elements of assessment using a variety of assessment methods as a whole in terms of adequacy and inclusion. In shaping teachers as persons who are able to give high impact critically and creatively on students, the fun learning method needs to be expanded in order to improve the development of teachers and students effectively as a whole.

Keywords: Fun Learning, Reading Skills, Student Development, Primary School Teachers, SKPMg2

*Corresponding author: norlela2204@gmail.com
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Guru yang hebat menjana transformasi pendidikan negara. Penekanan kepada keperluan melahirkan guru-guru yang kompeten dan berkualiti amatlah penting bagi keberkesan pengajaran dan pembelajaran terutama pembinaan minda guru-guru yang boleh memberi impak tinggi secara kritis dan kreatif. Keberkesan pendidikan dapat diukur dengan pembentukan tingkah laku dan kemenjadian murid sejajar dengan harapan aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional perlu diterapkan dalam diri setiap murid.

Konsep pembentukan karakter untuk menghasilkan murid yang berinovasi dan kreatif telah menjadi agenda utama pendidikan. Antaranya, usaha mewujudkan suasana ceria di sekolah bagi memastikan institusi pendidikan itu bersifat penyayang.

Maka, pembelajaran menyeronokkan menjadi elemen penting dalam sistem pendidikan masa kini. Sehubungan itu, hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM) menyokong keperluan guru untuk mengenal pasti dan memahami pendekatan, kaedah, teknik, amalan dan aktiviti dirancang ke arah sekolah berkualiti. Ia diperkuuh dengan persekitaran pembelajaran yang bermakna serta berkesan bagi meningkatkan kemenjadian murid. Menurut Amin Senin (2017), guru-guru sebagai penggerak pembelajaran bermakna seharusnya mampu mengangkat maruah murid-murid dengan memberi kemahiran dan memastikan mereka boleh menguasai kemahiran tanpa mengira kaum, warna kulit dan agama.

Penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah mengambil kira pembelajaran yang menyeronokkan yang berlaku secara holistik dengan mengurangkan orientasi kepada peperiksaan kepada penguasaan bahasa yang dinilai melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Fokus utama pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah adalah menguasai kemahiran literasi dan aplikasi kemahiran bahasa yang merangkumi kemahiran bertutur, kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis yang merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Malaysia (2014). Ia sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Penghayatan terhadap bahasa perlu dilakukan dengan menjiwai, kasih sayang dan saling menghormati. Justeru, yang penting bagi murid-murid adalah keseronokan waktu belajar. Maka, proses pembelajaran Bahasa Melayu yang menyeronokkan dan tidak membebankan perlu diperluas hingga akhirnya nanti berjaya merangsang dan menarik perhatian murid untuk belajar. Kaedah didik hibur telah disarankan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diterapkan dalam pengajaran guru bagi proses PdPc. Selain nyanyian dan bercerita, lakonan dan berpantun, termasuk juga permainan. Ilangko (2014) menyatakan pengajaran Bahasa Melayu melalui aktiviti permainan bahasa atau didik hibur sangat berkesan kerana dapat menarik minat murid untuk terus mengikuti pelajaran. Nor Iiyani (2012) dalam Melvina (2018) memetik kenyataan Awang Sariyan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu diberi penekanan supaya menarik secara didik hibur untuk membantu murid sekolah rendah menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan Gelombang 2 PPPM (2013-2025), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2) diwujudkan dengan matlamat untuk memastikan sekolah mendapat manfaat apabila melaksanakan Pentaksiran Kemahiran Saintifik (PKS-SKPM). Standard 4 (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) digunakan bagi penarafan pedagogi memperlihatkan enam elemen utama yang perlu dikuasai guru iaitu guru sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong, penilai dan murid sebagai pembelajar aktif. Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan untuk memperkembang potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan (JNJK, 2017). Namun demikian, terdapat guru bahasa Melayu masih kurang menguasai kaedah yang berkesan untuk mengajar kemahiran membaca di sekolah rendah. Berdasarkan data pemantauan SKPMg2 2018, bilangan guru-guru yang tidak mencapai tahap cemerlang masih ramai. Terdapat juga sebilangan guru berada pada tahap baik dan sederhana dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Dapatan hasil rumusan dapatan pencerapan pentadbir (2018) menyatakan guru kurang menggunakan kaedah dan bahan bantu mengajar yang berkesan yang mampu merangsang minat murid sebagai pembelajar aktif. Demikian juga, hasil pemantauan menyatakan guru masih memerlukan bimbingan dalam aspek kaedah dan teknik berkesan serta penggunaan bahan bantu mengajar yang optimum. Dapatan ini disokong oleh kajian Abdul Rasid Jamian et al. (2013) yang menyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu perlu berupaya menarik konsentrasi murid untuk mengikuti pelajaran. Guru yang kurang kreatif dalam mendidik dan mengajar dengan kaedah tradisional menjadikan pembelajaran bahasa Melayu sukar, malah juga menyebabkan murid sukar memahami sesuatu konsep dan menyebabkan pembelajaran guru membosankan sehingga murid tidak memberi tumpuan. Ini disebabkan guru-guru bahasa Melayu masih mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional yang berpusatkan guru dan menyebabkan murid menjadi pembelajar yang pasif.

Perkara ini menunjukkan bahawa guru memerlukan suatu kaedah yang bersifat inovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Kemahiran membaca merupakan asas untuk memahami proses pembelajaran. Proses membaca memerlukan urutan atau rentetan yang berulang-ulang bagi memastikan murid-murid menguasai proses bacaan tersebut. Namun, masih ada murid yang bermasalah untuk menguasai kemahiran membaca. Berdasarkan Laporan Gelombang Pertama PPPM 2013–2025, seramai 27093 (0.94%) daripada 2.86 juta enrolmen orang murid sekolah rendah masih belum menguasai kemahiran membaca. Laporan Tahunan PPPM 2016, 2013–2025, pula mendapati 2% murid sekolah rendah menghadapi risiko keciciran. Dapatkan laporan tersebut menyatakan murid-murid tersebut tidak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Maka keperluan untuk transformasi dalam pembelajaran dan pengajaran mesti dilaksanakan. Menurut Mazlan Ismail (2016) pula, potensi murid berjaya digilap melalui proses perancangan pengajaran dan pembelajaran yang memikat murid untuk terus belajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan penggunaan kaedah didik hibur dalam kalangan guru bahasa Melayu.
2. Menunjukkan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di sekolah rendah.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah kaedah didik hibur bagi pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan guru bahasa Melayu?
2. Bagaimanakah penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di sekolah rendah?
3. Apakah jenis kaedah didik hibur yang digunakan dalam pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini berfokus tentang pemahaman guru bahasa Melayu terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca di sekolah rendah. Kajian ini penting dalam sistem pendidikan terutama berkaitan dengan perkembangan bahasa Melayu dan pedagogi berkesan bagi penguasaan kemahiran membaca. Melalui penyelidikan, adalah diharapkan dapat memberi maklum balas tentang kefahaman guru-guru bahasa Melayu berkaitan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran bahasa Melayu berfokus kepada kemahiran membaca. Input yang diperolehi daripada kajian ini akan membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengetahui tahap kefahaman guru bahasa Melayu berkaitan kaedah didik hibur. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru bahasa Melayu menggunakan kaedah didik hibur dengan berkesan untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Penyelidikan yang akan dilaksanakan menjurus kepada keperluan guru-guru menguasai kemahiran pedagogi khususnya kaedah didik hibur bagi pengajaran kemahiran membaca. Ia penting kerana asas kepada kemenjadian murid bagi bahasa Melayu ialah penguasaan kemahiran bahasa iaitu kemahiran lisan dan bertutur, membaca, serta menulis. Kelompongan dalam aspek ini akan menjadi penyebab utama kepada sistem pendidikan gagal melahirkan keperluan pelajar di negara ini.

Diharapkan kajian ini dapat memberi idea dan gambaran yang lebih jelas kepada guru-guru Bahasa Melayu menambah baik pengetahuan kandungan kurikulum dan kompentensi pedagogi berkualiti supaya kekal relevan dengan keperluan semasa berkaitan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca. Disamping itu, amalan terbaik guru sebagai fasilitator atau pemudah cara kepada murid dalam pembelajaran koperatif dan kolaboratif secara berterusan dan berkesan. Berdasarkan dapatan kajian juga, dapat dicadangkan program intervensi dan teknik berkesan dalam PdP yang mampu meningkatkan penggunaan kaedah didik hibur serta menggariskan standard yang sesuai bagi kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah.

Kaedah Didik Hibur

Didik hibur bermaksud mendidik sambil menghibur, bersifat santai dan menyeronokkan. Kaedah ini berlaku dalam keadaan terkawal, disamping memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar dalam keadaan yang menyeronokkan (Buku Penerangan KSSR 2017). Didik hibur merupakan satu pembaharuan yang diperkenalkan kepada murid-murid sebagai kaedah alternatif semasa proses pengajaran sesuatu subjek. Tujuannya supaya sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi seronok untuk diikuti murid-murid. Fokus pelaksanaan adalah kepada

penguasaan kemahiran asas sesuatu subjek dalam kalangan murid melalui pendekatan didik hibur dan apresiasi bahasa. Didik bermaksud mengajarkan sesuatu pelajaran dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Hibur dalam konteks pengajaran bermakna pembelajaran yang menyenangkan atau menggirangkan. Strategi ini dimasukkan dalam KSSR sebagai satu transformasi kurikulum persekolahan (KPM, 2011). Penekanan yang wajar diberikan dalam kaedah ini ialah teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi. Menurut Melvina (2018), didik hibur merupakan suatu tempat pembelajaran untuk membolehkan kanak-kanak berasa seronok dan terhibur dengan apa-apa sahaja yang mereka pelajari hasil daripada penggabungan pendidikan dengan aspek hiburan serta pelbagai jenis media seperti bunyi, animasi, video, teks, dan imej.

Kaedah ini dilaksanakan melalui pelbagai teknik dan seterusnya menjadikan suasana pembelajaran lebih kondusif, lebih bermakna dan seronok (Hanazian et al. 2003; Lucio T. Et al. 2009; Harnani & Nor Zuhaidah, 2010). Mazlan Ismail (2016) menyatakan didik merujuk kepada proses mendidik, manakala hibur pula membawa maksud menyeronokkan, menggembirakan dan menarik minat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan pada gagasan ini, unsur humor juga boleh ditanggapi sebagai perbuatan atau kata-kata yang menggelikan hati, membangkitkan ketawa, lucu, perbuatan atau kata-kata untuk membuatkan orang lain ketawa serta mengurangkan tekanan. Jelaslah bahawa elemen didik hibur atau elemen humor menekankan keseronokan melalui unsur-unsur kecindan yang memikat murid untuk terus belajar. Antara ciri-ciri didik hibur yang diperlukan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan adalah menarik, aman, bebas daripada tekanan, wujud minat, keterlibatan sepenuhnya, bersemangat, perhatian dan tumpuan, berlaku pembelajaran menarik, gembira, dan santai.

Kemahiran dan Konsep Membaca

Membaca ialah satu tindakan komunikasi, iaitu satu proses berfikir yang melibatkan idea, kenyataan, dan perasaan yang disampaikan oleh penulis kepada pembaca melalui perantaraan lambang-lambang bahasa. Membaca merupakan proses yang interaktif kerana memerlukan banyak kemahiran semasa proses bacaan tersebut (Goodman 1976; Carell, 1987). Membaca merupakan proses yang kompleks dan merupakan gabungan beberapa proses seperti proses sensori (pandang), pengamatan, linguistik dan mental (Yahya Othman, 2005; Khairudin, 2011). Perlakuan membaca terdiri daripada kemahiran mengenal dan memahami bahan yang dibaca dan menghasilkan kefahaman pembaca. Dalam proses membaca, seseorang itu akan berfikir, mencuba untuk merasai dan akan membayangkan maklumat yang dibaca tadi. Dalam hal ini, aktiviti membaca seolah-olah menjalinkan interaksi antara pembaca dengan penulis, serta tujuan tertentu yang hendak ditonjolkan. Menurut Isahak Haron (2011), kemahiran membaca merupakan proses mengenal bunyi huruf, membina suku kata seterusnya membentuk perkataan yang bermakna serta membaca frasa dan ayat bermula dengan ayat mudah yang bertema sehingga kepada bentuk ayat yang lebih sukar. Kemahiran membaca melibatkan beberapa domain seperti mengecam bentuk huruf, menyebut bunyi huruf, menyebut suku kata, membaca perkataan yang bermakna dan seterusnya membaca ayat. Kemampuan murid membaca dan memahami sesuatu bahan sangat berkait dengan penguasaan kemahiran bahasa dan peningkatan dalam sistem pendidikan. Seterusnya, perlakuan membaca memerlukan kebolehan pembaca mengaitkan dan mengintegrasikan segala aspek yang berkaitan dengan tujuan membaca, jangkaan, pengetahuan dan pengalaman lalu tentang perkara yang dibaca bagi menghasilkan sebuah pembacaan yang berkesan dan menerbitkan pemahaman terhadap bahan yang dibaca.

Cabaran dalam Penggunaan Kaedah Didik Hibur bagi Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Kajian yang melibatkan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu telah dilaksanakan oleh pengkaji di Malaysia atau di luar negara. Masalah paling utama yang dihadapi oleh seseorang yang sedang mula membaca adalah masalah dalam komponen membaca perkataan secara tunggal. Kemahiran mengeja perkataan berkait rapat dengan kemahiran membaca perkataan. Hasil kajian yang lepas telah menunjukkan bahawa proses kognitif yang mendasari kedua-dua kemahiran membaca perkataan dan kemahiran mengeja adalah hampir sama. Proses membaca yang kompleks ini bergantung kepada komponen membaca perkataan tunggal dan komponen pemahaman (Yahya Othman, 2003). Oleh sebab perkaitan yang rapat antara kemahiran membaca perkataan tunggal dan kemahiran mengeja, maka adalah tidak hairan jika para pelajar bermasalah dalam proses bacaan mereka. Menurut Rajesvari a/p Ramasamy (2008), antara permasalahan yang dihadapi oleh pelajar pemulihian ini ialah mudah lupa perkataan yang dibaca. Daya ingatan mereka sangat singkat dan cepat melupakan perkara yang telah dipelajari oleh mereka. Oleh sebab itu, mereka perlu diberi peluang membaca perkataan yang sama berulang kali dalam aktiviti latih tubi.

Kamaruddin (2010) mengatakan motivasi mempunyai kaitan dengan peningkatan minat dan menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu guru yang hebat akan sentiasa berhati-hati mencari rangsangan yang dapat menimbulkan perasaan puas, dan berjaya menarik minat murid dengan menjadikan proses pembelajaran yang menyeronokkan. Guru sebagai pembimbing di dalam bilik darjah, perlu merancang

pembelajaran yang menyeronokkan dengan menggunakan kaedah didik hibur. Jika keseronokan berlaku, motivasi belajar murid akan bertambah dan tingkah laku positif dalam kalangan murid-murid juga turut berlaku.

Guru perlu menggunakan bahasa yang berupaya menzahirkan perasaan lucu, penggunaan grafik seperti kartun dan bahasa badan yang boleh menimbulkan suasana yang menyeronokkan kepada murid. Malah, sesi pembelajaran yang bersifat santai terhibur penuh dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan pelbagai mampu menarik penglibatan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran (Abdul Ghani, Abdul Rahman dan Abdul Rashid, 2010). Seterusnya Yahya (2012), mengaitkan istilah humor dengan kelucuan yang boleh menyebabkan seseorang menjadi seronok apabila mendengarnya. Pengajaran Bahasa Melayu tidak boleh hanya menekankan penguasaan kandungan semata-mata. Sebaliknya boleh diajar dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan. Murid akan kurang bermotivasi dan kurang memberikan perhatian kepada pengajaran walaupun guru bahasa Melayunya mengajarkan tatabahasa dengan baik tetapi dalam keadaan yang membosankan. Justeru, didik hibur dapat mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

Kajian yang pernah dijalankan oleh Abdul Rasid Jamian dan Hasmah (2013) menyatakan bahawa impak amalan pembelajaran yang menyeronokkan dalam bahasa Melayu lebih ketara kepada aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan responden tentang kaedah mahupun teknik yang efektif sehingga mampu meningkatkan prestasi pengajaran mereka. Maka, guru-guru sedar jika mereka dapat mengamalkan pembelajaran yang menyeronokkan akan mendorong murid-murid lebih bermotivasi mengikuti pengajaran mereka. Didik hibur juga boleh disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan bantuan mengajar seperti perisian berbentuk multimedia.

Menurut Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2014), didik hibur juga dapat mengupayakan dan membolehkan bahasa yang indah itu diperoleh secara mudah daripada teknik nyanyian, bercerita, berlakon, mendeklamasi atau berpuisi. Ianya dilaksanakan secara lebih santai tetapi bermakna. Berdasarkan kajian Razana Baharuddin et al. (2014), bahan pengajaran multimedia bersifat dinamik berbanding dengan bahan bercetak yang bersifat statik dan ini menjadikan aktiviti pembelajaran menarik dan menyeronokkan. Contohnya penggunaan video dan animasi dapat membantu murid memahami sesuatu konsep dengan jelas dan mudah. Penggunaan muzik latar turut memberi keseronokan kepada pembelajaran murid.

Menurut Aliza & Zamri (2015), dalam kajiannya menyatakan bahawa pembelajaran dengan cara bermain lebih menarik dan memberangsangkan murid-murid melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, bermain adalah cara terbaik untuk membantu kanak-kanak menguasai konsep bahasa yang abstrak melalui pengalaman konkret. Oleh itu, pendekatan pembelajaran melalui bermain mampu menanam minat anak-anak terus belajar bahasa. Aishah et al. (2016) menyatakan bahawa guru harus mencari idea untuk membolehkan pembelajaran lebih bersifat interaktif dan menyeronokkan. Caranya ialah melalui permainan dan didik hibur, malah ilmuwan turut sependapat bahawa penggunaan didik hibur di dalam bilik darjah memberikan beberapa faedah. Azman et al. (2017) pula menyatakan bahawa bentuk penyampaian pengetahuan secara konvensional daripada guru kepada pelajar boleh berpindah kepada kaedah penyampaian baru dalam bentuk permainan. Objektifnya tetap sama dengan matlamat pembelajaran asal, iaitu untuk memberi kefaamanan kepada para murid tentang subjek dan ilmu yang dipelajari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Reka bentuk kajian tinjauan dipilih kerana ia yang menerangkan secara sistematis mengenai sesuatu atau ciri-ciri populasi yang diminati secara fakta (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016). Penyelidik telah menetapkan 70 orang responden kajian dan merupakan guru-guru bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di 70 buah sekolah rendah menggunakan teknik persampelan bertujuan. Lokasi kajian adalah di daerah Kuala Selangor. Instrumen kajian yang digunakan bagi mengumpulkan data ialah soal selidik (skala likert). Penggunaan instrumen dan soal selidik yang sama untuk semua peserta dapat menyeragamkan data yang dikumpul. Bahagian 1 berkaitan demografi sampel manakala bahagian 2 mengandungi 30 item tentang pemahaman guru bahasa Melayu terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah. Item-item yang dibina mengikut 6 elemen guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda dan emosi murid, dan penilai dalam aplikasi kaedah didik hibur.

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pemahaman guru bahasa Melayu terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca di sekolah rendah. Justeru, pengkaji telah menentukan batasan dan limitasi sebagai panduan untuk menjawab semua persoalan kajian yang telah disenaraikan. Terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti dalam pelaksanaan kajian ini. Guru-guru yang menjadi peserta kajian terdiri daripada guru bahasa Melayu sekolah rendah daerah Kuala Selangor. Kesemua peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini merupakan guru bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di Tahun 3. Kajian ini terbatas di lokasi kajian sahaja yang boleh dijadikan petunjuk arah bagi kajian yang sama di lokasi

lain yang mempunyai ciri-ciri permasalahan yang serupa. Batasan kajian juga mengambil kira kejujuran responden menjawab soalan dan memahami kehendak soalan yang diajukan. Kajian melibatkan 70 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di 70 buah sekolah bagi daerah Kuala Selangor. Semua perbincangan, perbandingan, dapatan dan rumusan yang ditulis dalam kajian ini adalah merujuk kepada data dan dokumen berkaitan penggunaan kaedah didik hibur pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu di lokasi tersebut sahaja.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat Demografi (Bahagian 1)

Berdasarkan Jadual 1, 70 orang responden iaitu guru Bahasa Melayu Tahun 3 daripada 70 buah sekolah rendah di Kuala Selangor telah dipilih untuk menjalankan kajian. Sampel kajian telah diklasifikasikan mengikut jantina, umur, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan mata pelajaran opsyen.

JADUAL 1

Maklumat Demografi Sampel Kajian

| | | % | | % | |
|----------|--|-----------|----------------------|-----------|------------------------|
| 1 | Jantina | 40 | Lelaki | 60 | Perempuan |
| 2 | <i>Umur</i> | 7.1 | <i>20 – 29 tahun</i> | 37.1 | <i>40 – 49 tahun</i> |
| | | 42.9 | <i>30 – 39 tahun</i> | 12.9 | <i>50 – 59 tahun</i> |
| 3 | <i>Akademik</i> | 1 | <i>PhD</i> | 72.9 | <i>Sarjana Muda</i> |
| | | 8.6 | <i>Sarjana</i> | 12.0 | <i>Sijil Perguruan</i> |
| 4 | <i>Pengalaman mengajar Bahasa Melayu</i> | 27.1 | <i>1 – 5 tahun</i> | 11.4 | <i>16 – 20 tahun</i> |
| | | 18.6 | <i>6 – 10 tahun</i> | 28.6 | <i>21 – 25 tahun</i> |
| | | 10 | <i>11 – 15 tahun</i> | 4.3 | <i>Lebih 25 tahun</i> |
| 5 | <i>Mata Pelajaran Opsyen</i> | 62.9 | <i>Bahasa Melayu</i> | 37.1 | <i>Lain-lain</i> |

Dapatan Soal Selidik (Bahagian 2)

Dapatan soal selidik pemahaman guru bahasa Melayu terhadap penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah adalah berdasarkan Jadual 2 yang ditunjukkan. Item-item yang dibina dibahagikan kepada enam sub tema iaitu guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda, pendorong emosi murid, dan penilai dalam aplikasi kaedah didik hibur bagi pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu.

JADUAL 2

Soal Selidik Pemahaman Guru Bahasa Melayu terhadap Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Sekolah Rendah

| NO | ITEM | STS | TS | S | SS | CATATAN |
|-----|--|------|------|------|-------|---------|
| 1 | Guru merancang pelaksanaan PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan kaedah didik hibur | 0.0 | 71.4 | 28.6 | 100.0 | |
| i | Menyedia RPH dengan menggunakan salah satu teknik dalam kaedah didik hibur | 2.9 | 81.4 | 15.7 | 97.1 | |
| ii | Menentukan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kreativiti dalam kaedah didik hibur yang akan digunakan dalam pdp | 0.0 | 78.6 | 21.4 | 100.0 | |
| iii | Memasukkan salah satu teknik didik hibur dalam mana-mana strategi PdP | 2.9 | 81.4 | 15.7 | 97.1 | |
| 2 | Guru melaksana PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik dalam kaedah didik hibur | 0.0 | 78.6 | 21.4 | 100.0 | |
| i | Menggunakan teknik didik hibur dalam aktiviti-aktiviti PdP | 1.4 | 84.3 | 14.3 | 98.6 | |
| ii | Mengelola PdP dengan menggunakan teknik dalam didik hibur dengan masa yang sesuai | 5.7 | 82.9 | 11.4 | 94.3 | |
| iii | Menggunakan teknik didik hibur dengan sepenuhnya dalam PdP | 20.0 | 70.0 | 10.0 | 80.0 | |
| 3 | Guru membimbang murid dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah didik hibur | 4.3 | 78.6 | 17.1 | 95.7 | |
| i | Menerangkan konsep dengan menggunakan kaedah didik hibur dalam PdP | 11.4 | 84.3 | 4.3 | 88.6 | |

| | | | | | |
|------|--|------|------|------|------|
| ii | Membimbing murid menguasai isi pelajaran menggunakan kaedah didik hibur | 5.7 | 90.0 | 4.3 | 94.3 |
| iii | Mengaitkan teknik didik hibur sebagai salah satu cara untuk menerima pelajaran | 10.0 | 81.4 | 8.6 | 90.0 |
| 4 | Guru mendorong minda murid dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik dalam didik hibur | 12.9 | 78.6 | 8.6 | 87.1 |
| i | Merangsang murid berkomunikasi menggunakan kaedah didik hibur | 1.4 | 78.6 | 20.0 | 98.6 |
| ii | Merangsang murid berkolaboratif menggunakan kaedah didik hibur dalam aktiviti pembelajaran | 10.0 | 78.6 | 11.4 | 90.0 |
| iii | Merangsang murid mengemukakan soalan yang menjurus ke arah pemikiran kreatif dan kritis menggunakan kaedah didik hibur | 8.6 | 80.0 | 11.4 | 91.4 |
| v | Membuat keputusan dan menyelesaikan masalah menggunakan kaedah didik hibur | 17.1 | 75.7 | 7.1 | 82.8 |
| vi | Mewujudkan peluang untuk murid memimpin menggunakan kaedah didik hibur | 1.4 | 91.4 | 7.1 | 98.6 |
| vii | Menggalakkan murid mengemukakan soalan berkaitan isi pelajaran menggunakan kaedah didik hibur | 4.3 | 80.0 | 15.7 | 95.7 |
| viii | Menggalakkan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara kendiri menggunakan kaedah didik hibur | 11.4 | 72.9 | 15.7 | 88.7 |
| 5 | Guru mendorong emosi murid dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah Didik Hibur | 1.4 | 81.4 | 17.1 | 98.5 |
| i | Menggalakkan murid menggunakan kaedah didik hibur | 4.3 | 78.6 | 17.1 | 95.7 |
| ii | Memberi penghargaan terhadap hasil kerja murid | 2.9 | 70.0 | 27.1 | 97.1 |
| iii | Memberi keyakinan kepada murid untuk menggunakan kaedah didik hibur | 1.4 | 78.6 | 20.0 | 98.6 |
| iv | Prihatin tehadap keperluan murid | 1.4 | 72.9 | 25.7 | 98.6 |
| 6 | Guru melaksanakan penilaian kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah didik hibur | 10.0 | 80.0 | 10.0 | 90.0 |
| i | Memberi latihan berkaitan dengan pelajaran berdasarkan bahan menggunakan kaedah didik hibur | 14.3 | 78.6 | 7.1 | 85.7 |
| ii | Menjalankan aktiviti pengayaan/ pemulihan dengan menggunakan kaedah didik hibur | 8.6 | 82.9 | 8.6 | 91.5 |
| iii | Membuat penilaian dengan menggunakan kaedah didik hibur | 27.1 | 68.6 | 4.3 | 72.9 |
| iv | Membuat refleksi PdP dengan kaedah didik hibur | 2.9 | 58.6 | 38.6 | 97.2 |

Berdasarkan Jadual 2, responden kajian telah melengkapkan kaji selidik yang diberi. Setiap item yang telah dijawab, dinyatakan dalam bentuk peratusan. Seterusnya item-item tersebut telah dikategorikan kepada subtema enam elemen guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda dan emosi murid, dan penilai dalam aplikasi kaedah didik hibur bagi pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu utama (Jadual 3) dan diperjelas juga dalam bentuk peratusan. Dapatan ini digunakan untuk menjawab soalan kajian iaitu adakah guru memahami kandungan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca? Dan adakah guru menggunakan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca?

Peranan Guru dalam Penggunaan Kaedah Didik Hibur

Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan untuk memperkembang potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan. Aplikasi kaedah didik hibur bagi pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang merangkumi elemen guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda dan emosi murid serta penilai dalam SKPMg2 Standard 4 ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 3

Elemen Guru Sebagai Perancang, Pelaksana, Pembimbing, Pendorong Minda dan Emosi Murid dan Penilai dalam Aplikasi Kaedah Didik Hibur bagi Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu

| Bil | Elemen | Peratus |
|-----|-----------------------|---------|
| 1 | Perancang | 98.90 |
| 2 | Pelaksana | 93.20 |
| 3 | Pembimbing | 92.15 |
| 4 | Pendorong Minda Murid | 89.70 |
| 5 | Pendorong Emosi Murid | 97.70 |
| 6 | Penilai | 87.46 |

Jadual 3 menjelaskan rumusan soal selidik bagi bagi enam elemen guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda dan emosi murid, dan penilai dalam aplikasi kaedah didik hibur bagi pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan, 98.9% guru bersetuju kaedah didik hibur menggembirakan dan boleh dilaksanakan. Responden-responen kajian memahami dan mampu mengaplikasi peranan mereka sebagai perancang (98.9%), pelaksana (93.20%), pembimbing (92.15%) dan pendorong emosi murid (97.70%) dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu. Dapatkan ini menjelaskan bahawa guru telah memahami penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca. Namun, penggunaan kaedah didik hibur tersebut masih memerlukan bimbingan dan pemantapan. Cabaran utama guru adalah untuk mendorong minda murid (89.70%) dan melaksanakan penilaian (87.46%) menggunakan didik hibur. Hal ini disebabkan pemahaman dan penggunaan bagi kedua-dua elemen ini masih kurang dikuasai oleh para guru.

Guru Sebagai Perancang

Berdasarkan dapatan, 97.1% responden bersetuju perancangan RPH menggunakan salah satu teknik dalam kaedah didik hibur dan 100%. Keseluruhan responden telah memberikan respon positif bagi pernyataan “Guru merancang pelaksanaan PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan kaedah didik hibur” dan mengakui perancangan yang teliti dan teradun di dalamnya teknik didik hibur adalah penting sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran.

Guru Sebagai Pelaksana

Berdasarkan dapatan, 100% responden secara amnya bersetuju pernyataan “Guru melaksana PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik dalam kaedah didik hibur”. Mereka juga memberi respon positif pada item menggunakan didik hibur dalam aktiviti yang dirancang (98.6%) dan mengelola dengan masa yang sesuai. Namun hanya 80% sahaja bersetuju menggunakan teknik didik hibur sepenuhnya dalam aktiviti.

Guru Sebagai Pembimbing

Berdasarkan dapatan bagi elemen ini, 95.7% responden memberikan respon yang positif kepada pernyataan “Guru membimbing murid dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah didik hibur”. Jelas menunjukkan guru sebagai pembimbing, dapat membimbing murid menguasai isi pelajaran (94.3%) dan mengaitkan teknik didik hibur untuk menerima pelajaran (94.3%) Namun demikian, bagi aspek menerangkan konsep (88.6%) masih memerlukan penambahbaikan.

Guru Sebagai Pendorong Minda

Berdasarkan kajian, bagi pernyataan “Guru mendorong minda murid dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik dalam didik hibur” hanya 87.1% responden bersetuju dan memberikan respon positif. Mereka masih kurang kefahaman dalam pernyataan “membuat keputusan dan menyelesaikan masalah menggunakan kaedah didik hibur” (82.8%) dan menggalakkan murid belajar secara kendiri (88.7%).

Guru Sebagai Pendorong Emosi

Berdasarkan kajian, 98.5% responden bersetuju dengan pernyataan “Guru mendorong emosi murid dalam PdP kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah Didik Hibur” melalui galakan (95.7%), penghargaan (97.1%), keyakinan diri (98.65) dan prihatin terhadap keperluan murid (98.6%).

Guru Sebagai Penilai

Berdasarkan dapatan kajian, 90% responden bersetuju “Guru melaksanakan penilaian kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah didik hibur” terutama melibatkan aktiviti pengayaan dan pemulihan (91.5%). Namun demikian 85.7% responden sahaja yang memberi respon positif terhadap pernyataan “Memberi latihan berkaitan dengan pelajaran berdasarkan bahan menggunakan kaedah didik hibur” dan 72.9% bagi pernyataan “Membuat penilaian dengan menggunakan kaedah didik hibur”.

JADUAL 4

Enam Elemen Guru Sebagai Perancang, Pelaksana, Pembimbing, Pendorong Minda dan Emosi Murid dan Penilai dalam Aplikasi Kaedah Didik Hibur bagi Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu

| Perancang | | | | | Pendorong Minda | | | | | |
|--------------|-------|------------|---------|---------------|---------------------|--------------|------------|---------|---------------|---------------------|
| | | Frequency | Percent | Valid Percent | | | Frequency | Percent | Valid Percent | |
| Valid | TS | 4 | 5.7 | 5.7 | 5.7 | Valid | TS | 9 | 12.9 | 12.9 |
| | S | 43 | 61.4 | 61.4 | 67.1 | | S | 55 | 78.6 | 78.6 |
| | SS | 23 | 32.9 | 32.9 | 100.0 | | SS | 6 | 8.6 | 8.6 |
| | Total | 70 | 100.0 | 100.0 | | | Total | 70 | 100.0 | 100.0 |
| Pelaksana | | | | | Pendorong Emosi | | | | | |
| | | Freque ncy | Percent | Valid Percent | Cumulat ive Percent | | Freque ncy | Percent | Valid Percent | Cumulativ e Percent |
| Valid | TS | 4 | 5.7 | 5.7 | 5.7 | Valid | TS | 1 | 1.4 | 1.4 |
| | S | 58 | 82.9 | 82.9 | 88.6 | | S | 57 | 81.4 | 81.4 |
| | SS | 8 | 11.4 | 11.4 | 100.0 | | SS | 12 | 17.1 | 17.1 |
| | Total | 70 | 100.0 | 100.0 | | | Total | 70 | 100.0 | 100.0 |
| Pembimbing | | | | | Penilaian | | | | | |
| | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent | | Frequency | Percent | Valid Percent | Cumulative Percent |
| Valid | TS | 3 | 4.3 | 4.3 | 4.3 | Valid | TS | 7 | 10.0 | 10.0 |
| | S | 55 | 78.6 | 78.6 | 82.9 | | S | 56 | 80.0 | 80.0 |
| | SS | 12 | 17.1 | 17.1 | 100.0 | | SS | 7 | 10.0 | 10.0 |
| | Total | 70 | 100.0 | 100.0 | | | Total | 70 | 100.0 | 100.0 |

IMPLIKASI KAJIAN / CADANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian telah menunjukkan sikap yang positif dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu tentang pemahaman dan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran membaca. Namun demikian, ruang-ruang kucukupan dan kecakupan meliputi semua guru masih perlu diberikan pembugaran berkaitan elemen berkaitan. Keperluan melahirkan guru-guru yang kompeten dan berkualiti amatlah penting bagi keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan serta membentuk kemenjadian murid seajar dengan pendidikan masa kini. Berdasarkan kajian ini juga adalah diharapkan dapat membina guru-guru yang mampu memberi impak tinggi secara kritis dan kreatif, serta berfikir di luar kotak perlu diperluas agar dapat memimpin murid mengembangkan bakat dan potensi diri dengan penuh yakin.

Guru-guru perlu didedahkan kepada kaedah didik hibur secara taktikal. Guru sebagai perancang dalam pengajaran dan pembelajaran berperanan bagi mewujudkan aktiviti yang dapat memberikan cabaran kepada murid-murid. Cabaran yang ditonjolkan dalam sesuatu aktiviti akan mendorong murid untuk terus melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Guru sebagai pembimbing, perlu memberikan bantuan kepada murid untuk melaksanakan cabaran yang bersesuaian dengan tahap dan kebolehan murid yang diajar. Secara tidak langsung, dengan menyempurnakan cabaran, ia membantu mengekalkan motivasi murid. Maka, guru perlu mewujudkan suasana yang menyeronokkan.

Program-program intervensi guru-guru perlu lebih berfokus kepada didik hibur kemahiran membaca. Memperbanyak kursus dan bengkel penyediaan bahan bantu mengajar berbantukan komputer dengan

penyediaan bahan bantu mengajar mengambil kira kepelbagaiannya aras murid dan mempunyai elemen didik hibur agar pembelajaran menyeronokkan dan berkesan berlaku.

Sekiranya setiap individu memainkan peranan yang diamanahkan kepada mereka, tidak mustahil suatu masa nanti kita tidak lagi mendengar buta membaca dalam kalangan murid yang mendapat pendidikan di sekolah. Maka, kemenjadian murid secara menyeluruh akan berhasil. Impak amalan pembelajaran menyeronokkan dalam bahasa Melayu yang lebih ketara kepada guru adalah kepada aspek perspektif dan aplikasi pengetahuan tentang kaedah mahupun teknik yang efektif sehingga mampu meningkatkan prestasi pengajaran mereka.

Guru juga perlu kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Guru juga perlu diberi pendedahan, pengalaman, kefahaman dan pengetahuan yang lebih luas tentang amalan pembelajaran menyeronokkan. Contohnya, kursus dan bengkel-bengkel jangka pendek secara berkala untuk memastikan guru-guru Bahasa Melayu sentiasa dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan kemajuan dalam teknologi pendidikan terkini. Pembelajaran Profesional dan pembudayaan “perkongsian guru” perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Para guru perlu mengemas kini pengetahuan mereka dengan perkembangan terkini seperti melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dan program Latihan Dalam Perkhidmatan (LaDaP). Demikian juga, modul berkaitan didik hibur yang lengkap dengan elemen-elemen seperti yang dinyatakan dalam SKPMg2 Standard 4 dan aktiviti-aktiviti didik hibur berlandaskan visual, audio, kinestatik dan taktikal (VAKT) sebagai panduan kepada guru tentang konsep didik hibur.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. 2013. Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. JPBM, Vol. 3, Bil. 2 (Nov. 2013): 49-63.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. 2012. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun Dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 129-140
- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah Luar Bandar. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian. 2019. Pembelajaran Bahasa Berkesan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. 2016. Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*
- Amin Senin. 2008. Pembangunan Profesional Guru. Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim dan Yusof Boon. 2008. Psikologi Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Malaysian Book Publishers Association.
- Celinea Anak Lasan. 2018. Amalan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Peribumi Bidayuh. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elaine K. McEwan-Adkins. 2010. 40 Reading Intervention Strategies for K-6 Students. 555 North Morton Street, Bloomington, IN47404. Solution Tree Press. United States of America.
- Ilangko Subramaniam. 2014. Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penggunaan Kosa Kata. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 1-9
- Isahak Haron. 2013. Kajian Kaedah Gabungan Bunyi Kata (KGBK) Sebagai Pendekatan Alternatif Dalam Pengajaran Awal Membaca dan Menulis (2M) Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jemaah Nazir Sekolah. 2017. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Pernyataan Standard SKPMg2. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011. Standard Kurikulum Seni Bahasa dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Putrajaya: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marohaini Yusoff. 1999. Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazlan Ismail. 2016. Pengajaran Bahasa Melayu, Didik Hibur dan Seni Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mohd Razak, Mohd Nordin & Masitah Ahmad. 2015. Pendekatan Didik Hibur dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Sikap Dan Minat Murid Orang Asli di Negeri Perak. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Hulu Kinta, Perak, Malaysia Jurnal Penyelidikan Dedikasi, Jilid 9, 2015.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor. 2018. Laporan Rumusan Dapatan Pencerapan Pentadbir Tahun 2018 (SKPMg2 Standard 4). Unit Pengurusan Akademik, PPD Kuala Selangor.
- Razana Baharudin, Noriza Nayan, Nur Saadah Fathil, Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Saridan Abd Hamid, Azman Uyub, Abd Harith Hasan. 2014. Pembangunan Perisian Multimedia Interaktif: Seni Anyaman Melayu. Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Journal of ICT in Education Vol. 1, 2014.
- Roselan Baki. 2006. Kualiti Pengajaran: Menggantikan Pendekatan Serius dengan Pendekatan Santai. Seminar dan Bengkel Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan. 16 September 2006. Putrajaya.
- Ruzaini Rani. 2015. Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Program Linus di Sekolah Rendah. Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shamsudin Othman & Abdul Rasid Jamian. 2013. Pelaksanaan Elemen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Seni Bahasa Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Jurnal Bahasa 1(2): 292-312.
- Yahya Othman. 2004. Mengajar Membaca: Teori dan Aplikasi Panduan Mengajarkan Kemahiran Membaca. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, Afendi Hamat 2011. Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.